

# **Batas-batas Pergaulan Antara Lelaki dan Perempuan Dalam Masyarakat Islam Kini: Satu Huraian Hukum Islam Semasa**

**Dr. Anisah Ab Ghani**

## *Abstract*

*This article reviews Islamic ruling (hukm) concerning lawful and unlawful interaction between men and women in general. It emphasizes two aspects of hukm related to Muslim women: prohibited and the other is permitted. This permissible interaction is well explained referring to cases involved Muslim women in current situation.*

## **Pendahuluan**

Allah s.w.t. mencipta manusia lelaki dan perempuan. Ia juga mencipta syariat untuk mereka. Dalam Syariat Islam ada sesetengah hukum atau peraturan berbeza di antara lelaki dan perempuan dan ada yang tidak berbeza. Dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing kadangkala berlaku pergaulan di antara lelaki dan perempuan, lebih-lebih lagi dalam masyarakat kini. Penulisan ini cuba melihat sejauhmana batas-batas pergaulan yang dilarang dan dibolehkan dalam syariat Islam.

## **Pengertian Pergaulan**

Pergaulan dalam bahasa Arab disebutkan *ikhtilat* berasal daripada kalimah “*khalata yakhlutu khaltan*” yang bererti bercampur.<sup>1</sup>

Maksud pergaulan (*ikhtilat*) dalam perbincangan ini ialah bergaul atau bercampur di antara lelaki dan perempuan *ajnabi* (yang sah kahwin) di satu tempat berlaku

interaksi, dalam bentuk pandang memandang dan/atau perbualan di antara seseorang dengan lain. Ertinya, ia berlaku antara tiga orang atau lebih. Ia berbeza dengan khalwat yang hanya terdiri dari dua orang sahaja.

## Hukum Pergaulan Di Antara Lelaki dan Perempuan

Hukum asal pergaulan antara perempuan dan lelaki *ajnabi* (harus nikah) adalah haram. Namun demikian pengharaman ini tidak didasarkan kepada nas yang jelas. Pengharamannya hanya diasaskan kepada hukum lain yang pada asalnya dikhususkan bagi kaum wanita, kerana dalam hukum-hukum terbabit terdapat unsur-unsur pergaulan antara perempuan dan lelaki *ajnabi*. Hukum-hukum yang dimaksudkan ialah; larangan berkhalwat dan musafir tanpa mahram, solat berjemaah di masjid bagi wanita, hukum jihad bagi wanita-wanita dan hukum solat Jumaat bagi wanita.

### 1. Larangan Berkhalwat dan Musafir Tanpa Mahram.

Perempuan dilarang bermusafir bersendirian tanpa mahram dan dilarang berkhalwat dengan lelaki *ajnabi* (lelaki yang sah kahwin dengannya).

Kedua-dua larangan ini didasarkan kepada hadis-hadis berikut:

*i. Maksudnya: "Perempuan tidak harus bermusafir kecuali ada bersamanya mahram dan lelaki tidak harus masuk (dalam rumah) perempuan kecuali ada bersamanya mahram."*<sup>2</sup>

*ii. Maksudnya: "Lelaki tidak harus berkhalwat dengan perempuan kecuali bersamanya mahram dan tidak harus bermusafir kecuali bersamanya mahram."*<sup>3</sup>

Hadis pertama melarang lelaki *ajnabi* berkhalwat dengan wanita di dalam bilik atau rumah. Hadis kedua pula melarang wanita keluar mengerjakan haji tanpa mahram. Kedua-dua hadis ini telah dijadikan oleh para fuqaha<sup>4</sup> sebagai dalil pengharaman pergaulan lelaki dan perempuan kerana kedua-duanya mengandungi unsur pergaulan.

Walau apapun, satu kesimpulan dapat dibuat iaitu pergaulan perempuan dengan lelaki bukan mahram adalah diharamkan. Namun, pengharaman ini bukanlah didasarkan kepada suatu nas syarak yang jelas kerana tiada nas syarak yang dengan jelas menyatakan demikian. Pengharaman ini hanyalah didasarkan kepada pengharaman khalwat yang terdapat dalam hadis pertama di samping larangan bergaul yang boleh difahami dari larangan ke atas wanita mengerjakan haji tanpa mahram. Dengan kata lain, oleh kerana khalwat antara wanita dan lelaki bukan mahram diharamkan maka pergaulan antara wanita dan lelaki bukan mahram juga adalah juga haram. Begitu juga, oleh kerana perempuan dilarang mengerjakan haji tanpa mahram kerana perbuatan itu mendedahkannya kepada pergaulan dengan lelaki, maka semua bentuk pergaulan wanita dengan lelaki bukan mahram adalah haram.

Begitu juga hukum sebaliknya, iaitu oleh kerana wanita tidak haram berkhalwat dengan lelaki mahram kerana darurat,<sup>5</sup> maka wanita juga tidak haram bergaul dengan lelaki mahram atas alasan darurat. Jelas di sini, hukum boleh dengan tak boleh wanita

bergaul dengan lelaki mahram adalah sinonim dengan hukum boleh dan tak boleh dia berkhalwat dengan lelaki mahram, begitu juga boleh dan tak boleh beliau bermusafir tanpa mahram.

## **2. Hukum Perempuan Solat Jamaah di Masjid.**

Rujukan kedua bagi pengharaman pergaulan antara lelaki dan wanita *ajnabi* ialah keizinan bagi wanita melakukan solat jamaah di masjid. Solat jamaah di masjid digalakkan bagi kaum lelaki, tidak bagi kaum wanita. Malah sebaliknya solat wanita di rumahnya adalah lebih *afdhal* dari beliau bersolat berjamaah di masjid.

Walau bagaimanapun, wanita dibolehkan (harus) melakukan solat berjamaah di masjid. Hukum solat di rumah lebih *afdhal* bagi wanita dan pengharusan berjamaah di masjid bagi mereka dinyatakan oleh Rasulullah dalam sabdanya yang melarang wanita dihalang ke masjid dan menyatakan rumah lebih *afdhal* bagi mereka.<sup>6</sup>

Keizinan bagi wanita solat berjamaah di masjid tidak mutlak. Ia diikat dengan berbagai syarat; keizinan suami atau wali,<sup>7</sup> tidak memakai bau-bauan, tidak berhias<sup>8</sup> dan tidak bercampur gaul dengan lelaki semasa solat berjamaah di dalam masjid.<sup>9</sup> Syarat menentukan saf bagi wanita dalam solat jamaah mestilah di belakang saf lelaki. Penentuan ini *thabit* melalui nas hadis seperti yang dinyatakan oleh 'Abdullah bin 'Abbas yang beliau mendirikan solat di sebelah Rasulullah s.a.w. dan 'A'ishah r.a. mendirikan solat bersama di belakang mereka. Beliau berdiri di sebelah kanan Rasulullah s.a.w. Mereka menunaikan solat bersama.<sup>10</sup>

Syarat-syarat yang dikenakan dalam kes wanita solat berjamaah dengan lelaki ini menunjukkan bahawa pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram, lebih-lebih lagi jika dihalusi persoalan kedudukan saf bagi wanita di belakang saf lelaki. Ertinya wanita tidak boleh berada di dalam satu saf dengan lelaki. Kalau dalam solat yang suasananya penuh takwa, jauh dari fitnah pun wanita tidak dibenarkan bergaul di dalam satu saf dengan lelaki apatah lagi dalam situasi lain yang jauh lebih tidak takwa dan lebih terdedah kepada fitnah, sudah tentu tegahan bergaul dalam keadaan itu lebih dilarang. Kesimpulannya, pengharaman pergaulan lelaki dan perempuan adalah dirujukkan kepada nas yang melarang wanita bergaul di dalam satu saf sewaktu melakukan solat berjamaah bersama lelaki di samping syarat-syarat lain. Ini bererti kebolehan berlaku pergaulan di antara wanita dan lelaki *ajnabi* adalah bergantung kepada pensyarahan sejauhmana dibolehkan berlakunya solat berjamaah wanita bersama lelaki. Dengan kata lain, pergaulan wanita dan lelaki *ajnabi* bukan boleh secara mutlak, tetapi boleh dengan syarat-syarat yang ditentukan.

## **3. Hukum Wanita Turut Serta Dalam Perang Jihad.**

Rujukan ketiga bagi pergaulan wanita dengan lelaki *ajnabi* ialah hukum wanita turut serta dalam perang jihad. Menurut hukum asal, wanita tidak wajib turut serta dalam perang jihad. "A'isyah r.a. pernah meminta izin daripada Rasulullah s.a.w untuk turut

serta berjihad, tetapi Rasulullah s.a.w menyatakan bahawa jihad bagi wanita adalah mengerjakan haji.<sup>11</sup>

Dalam menghuraikan hadis ini, Ibn al-Battal menyatakan bahawa wanita tidak wajib berjihad di medan perang kerana mereka diwajibkan berhijab dan tidak boleh bergaul dengan lelaki.<sup>12</sup>

Jelas dilihat bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mengizinkan Aisyah turut serta dalam perang jihad adalah kerana mereka ditegah bergaul dengan lelaki. Ertinya, kalau dalam keadaan perang jihad mempertahankan Islam; satu keadaan yang sangat kritikal kepada orang Islam dan agama Islam sendiri wanita tidak diizinkan bergaul, maka dalam kes-kes lain yang tidak mendesak adalah lebih tidak dibenarkan.

#### 4. Wanita Tidak Wajib Solat Jumaat.

Fuqaha' sepakat mengatakan bahawa wanita tidak wajib menunaikan solat Jumaat.<sup>13</sup> Mazhab Hanafi berpendapat sebab wanita tidak wajib solat Jumaat ialah kerana wanita sibuk dengan urusan rumahtangga di samping mereka ditegah keluar bersama kaum lelaki dalam keadaan yang boleh membawa fitnah.<sup>14</sup> Alasan ini membawa erti bahawa hukum pergaulan antara wanita dan lelaki *ajnabi* adalah haram.

Di awal perbincangan telah dinyatakan, tiada nas yang jelas (*sarih*) yang secara langsung mengharamkan pergaulan perempuan dengan lelaki *ajnabi*. Namun demikian dalam konteks ini kaedah "hukum asal sesuatu perkara adalah harus" (*al-Asl fi al-Asyia' al-Ibahah*), tidak dapat digunakan untuk menyatakan bahawa hukum asal pergaulan perempuan dan lelaki *ajnabi* adalah harus, kerana nas-nas yang dikemukakan di atas secara tidak langsung telah mengandungi unsur-unsur larangan pergaulan antara perempuan dan lelaki *ajnabi*. Oleh itu keharusan yang mutlak dalam kes ini sudah tidak ada lagi.

### Batas-batas Pergaulan Antara Lelaki dan Perempuan Yang Dbolehkan

Perbincangan di atas telah menjelaskan bahawa hukum asal pergaulan antara lelaki dan perempuan adalah dilarang. Namun demikian dalam keadaan atau situasi tertentu hukum tersebut berubah menjadi harus. Keadaan dan situasi yang dimaksudkan ialah darurat, hajat (keperluan), maslahat syar'ie dan kebiasaan adat setempat.

#### 1. Pergaulan Antara Lelaki Dan Perempuan Kerana Darurat.

Dalam syarah *Sahih Muslim*, al-Imam al-Nawawi menyatakan tidak ada perbezaan hukum berkhalwat antara perempuan dan lelaki *ajnabi* di dalam dan luar solat, kecuali dalam keadaan darurat. Sebagai contoh, situasi di mana seorang perempuan bersendirian dalam satu perjalanan yang mungkin mendedahkannya kepada bahaya. Keadaan ini membolehkan seorang lelaki *ajnabi* bersama dengannya sekadar untuk membantu dan melindunginya daripada bahaya.<sup>15</sup>

Penjelasan al-Nawawi menyakinkan bahawa pergaulan perempuan dan lelaki *ajnabi* yang dikategorikan sebagai darurat atas tujuan memberikan perlindungan atau menyelamatkan perempuan terbabit daripada bahaya adalah diharuskan dengan syarat tidak ada tujuan-tujuan lain. Hukum ini adalah satu pengecualian dari hukumnya yang asal, iaitu haram.

## **2. Pergaulan Antara Lelaki Dan Perempuan Kerana Keperluan.**

Pergaulan antara perempuan dan lelaki *ajnabi* kerana hajat (keperluan) syar'ie adalah dibolehkan. Antara keperluan-keperluan syar'ie ialah:

### **a. Pergaulan antara lelaki dan perempuan untuk mengurus muamalah maliyah (urusan harta), seperti jualbeli dan aktiviti transaksi lain.**

Pergaulan di antara lelaki perempuan untuk tujuan-tujuan seperti jualbeli dan aktiviti transaksi lain dibolehkan kerana tabiat urusan jenis ini memerlukan berlaku interaksi di antara dua pihak sebelum berlaku aqad. Pergaulan semasa *muamalah maliyah* dibolehkan dengan syarat menjaga batas-batas syarak seperti pakaian menutup aurat, menundukkan pandangan dan percakapan biasa.<sup>16</sup>

### **b. Pergaulan di antara lelaki perempuan semasa bekerja.**

Semasa melaksanakan kerja, pada kebiasaannya berlaku pergaulan di antara lelaki perempuan. Pergaulan ini dibolehkan dengan syarat kedua-dua pihak menjaga batas-batas syarak seperti berpakaian menutup aurat, menundukkan pandangan, percakapan biasa yang tidak mengandungi unsur-unsur fitnah, dan tidak berkhawat. Khalifah 'Umar al-Khattab pernah melantik al-Syafi, seorang perempuan sebagai pegawai penguatkuasa di pasar untuk memerhati supaya tidak berlaku penyelewengan.<sup>17</sup> Tabiat penguatkuasaan di pasar menuntut pegawai terbabit bergaul dengan peniaga dan pembeli di pasar, samada lelaki atau perempuan. Perlantikan perempuan bekerja sebagai penguatkuasa menunjukkan pergaulan semasa kerja dibolehkan. Kalau pergaulan ini tidak dibolehkan pasti khalifah Umar tidak melantik perempuan bekerja sebagai penguatkuasa kerana tabiat kerja tersebut menuntut berlakunya pergaulan.

### **c. Pergaulan di antara lelaki dan perempuan semasa menjadi saksi.**

Perempuan boleh bergaul dengan lelaki semasa menjadi saksi dalam kes-kes yang ditentukan oleh syarak di mana perempuan dibolehkan menjadi saksi. Seperti, kes-kes harta dan berkaitan.<sup>18</sup>

**d. Pergaulan di antara lelaki dan perempuan dalam kenderaan awam.**

Pergaulan di antara lelaki dan perempuan dalam kenderaan awam dibolehkan atas alasan ianya merupakan keperluan yang mendesak. Namun demikian keharusan ini tertakluk kepada syarak perempuan keluar rumah bukan untuk tujuan yang tidak syar'ie seperti untuk berpoya-poya. Ia mestilah bertujuan syar'ie seperti bekerja untuk menyara diri atau keluarga, menziarahi keluarga, pesakit dan sebagainya.

Di samping syarat-syarat di atas, batas-batas syarak dalam pergaulan lelaki dan perempuan perlulah dijaga. Pakaian mestilah menutup aurat, pandangan ditundukkan dan percakapan berlaku secara biasa dan normal.

**3. Pergaulan Mengikut Kebiasaan Adat Dalam Majlis-majlis.**

Pergaulan di antara lelaki perempuan dalam majlis seperti kenduri-kendara kerana sempena sesuatu dibolehkan dengan syarat menjaga batas-batas syarak seperti pakaian menutup aurat, tidak *tabarruj*, menundukkan pandangan, bercakap dengan suara biasa dan normal. Sekiranya batas-batas syarak tersebut tidak dipatuhi pergaulan di antara lelaki perempuan tidak dibolehkan. Walau bagaimanapun pengasingan tempat antara lelaki perempuan semasa makan dan lainnya dalam majlis-majlis ini adalah lebih baik. Ini didasarkan kepada kaedah “ *sadd al-zari'ah*” (menutup pintu-pintu fitnah).

**4. Pergaulan Di Antara Lelaki Perempuan Semasa Belajar.**

Dalam persoalan pergaulan di antara lelaki perempuan semasa belajar, sebenarnya tidak ada hadis yang secara langsung menyentuh persoalan ini, iaitu apakah ia dilarang atau dibolehkan. Bagaimanapun ada sesetengah ulama<sup>19</sup> berpendapat lelaki dan perempuan tidak boleh bergaul semasa belajar. Mereka berhujah dengan hadis Sa'id al-Khudri yang meriwayatkan:

*Maksudnya: “Perempuan berkata kepada Nabi s.a.w.: Golongan lelaki mengatasi kami ke atas kamu (orang lelaki sentiasa bersamamu setiap hari mendengar hal-hal agama). Tentukan bagi kami satu hari bersamamu (untuk mendengar dan belajar) lalu baginda menentukan satu hari untuk bertemu (mengajar) golongan perempuan, maka baginda menasihati dan mengajar mereka. Di antara nasihat baginda kepada mereka: “Sesiapa di antara kamu golongan perempuan yang menyerahkan tiga anaknya (untuk perang jihad dan anak itu mati syahid) pasti anak-anak itu menjadi penghalangnya dari api neraka. Seorang perempuan berkata kalau dua orang? Baginda bersabda: “walau dua orang.”*

Bagi mereka hadis ini menunjukkan bahawa perempuan hendaklah diasingkan tempat belajar daripada lelaki. Sekiranya pergaulan di antara lelaki perempuan

dibolehkan, pasti perempuan pada masa itu tidak meminta Nabi s.a.w. menentukan hari khusus bagi mereka untuk mempelajari ilmu. Begitu juga kalau pergaulan di antara lelaki perempuan semasa belajar dibolehkan, pasti Nabi s.a.w. tidak mengkhususkan hari bagi perempuan.

Bagaimanapun setelah hadis ini diteliti, didapati ia tidak jelas menunjukkan lelaki tidak boleh bercampur dengan perempuan semasa belajar. Buktinya, ungkapan “*ghalabana ‘alaika al-rijal*” (*lelaki mengatasi kami ke atasmu*). Maksudnya, secara tabiat kaum lelaki setiap hari bersama Rasulullah s.a.w. atas tabiat dan fungsi mereka sebagai lelaki. Oleh itu mereka dapat mendengar dan mempelajari perkara-perkara berkaitan agama sedangkan perempuan tidak mampu berbuat demikian atas sifat dan fungsi mereka sebagai wanita. Oleh itu perempuan meminta Rasulullah s.a.w. menentukan hari khusus bagi mereka mempelajari agama. Ertinya, permohonan dibuat bukan kerana tegahan bergaul semasa belajar, tetapi atas dasar tabiat dan fungsi lelaki dan wanita yang berbeza. Jadi peluang bagi wanita untuk bersama dengan Rasulullah s.a.w. agak terbatas. Oleh itu, pengkhususan hari belajar bagi perempuan tidak menunjukkan pergaulan di antara lelaki perempuan semasa belajar dilarang. Jadi, hadis ini bukan hujah bagi pengharaman pergaulan antara lelaki dan wanita semasa belajar. Larangan tersebut mungkin lebih sesuai didasarkan kepada kaedah “*sadd al-zari‘ah*” (*menutup pintu-pintu yang boleh mendatangkan fitnah*) kerana lelaki dan perempuan, terutama di peringkat awal remaja dan remaja banyak dipengaruhi oleh rangsangan seks. Dengan itu pergaulan di antara lelaki perempuan semasa belajar pada peringkat ini boleh mendorong kepada perkara-perkara keburukan lebih banyak daripada kebajikan. Oleh itu pengasingan tempat belajar di antara lelaki dan perempuan adalah didasarkan kepada “*sadd al-zari‘ah*” , bukan hadis di atas.

Selain dari penjelasan di atas, mereka yang mengatakan pergaulan lelaki dan wanita semasa belajar diharamkan berpendapat bahawa pergaulan antara lelaki dan perempuan semasa ziarah menziarah adalah dibolehkan dengan syarat-syarat tertentu. Mungkin sukar difahami kenapa pergaulan semasa ziarah dibolehkan dan pergaulan semasa belajar diharamkan, sedang suasana belajar lebih jauh daripada fitnah berbanding dengan suasana ziarah. Mungkin yang membezakan hanyalah ziarah dilakukan sekali-sekala tetapi belajar mungkin lebih kerap, malah dalam konteks pendidikan formal, menengah atau tinggi ia berlaku setiap hari. Walaubagaimanapun, tegahan ke atasnya bukan dirujuk kepada nas, tetapi kepada kaedah *sadd al-zari‘ah*.

## **Kesimpulan**

Pada prinsipnya pergaulan di antara lelaki perempuan adalah dilarang. Namun dalam keadaan dan batas-batas tertentu seperti *darurah*, kemaslahatan, keperluan dan kebiasaan adat setempat ia dibolehkan dengan syarat yang terbabit mestilah menjaga batas-batas syarak, iaitu berpakaian menutup aurat, merendah pandangan dan bercakap dalam keadaan biasa dan normal yang tidak ada unsur fitnah.



## Nota Hujung

1. Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Jilid 9, hlm. 120-121.
2. Al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Syarh al-Bukhari*, Beirut, Dar al-Ma'rifah (tt), Jilid 4, hlm. 72, 77.
3. Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Kaheerah, Matbaah al-Misriyah (tt), Jilid 9, hlm. 109.
4. Abd al-Karim Zaydan (Dr.), *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah*, Beirut, Muassasah al-Risalah (1993), Jilid 3, hlm. 423.
5. Al-Nawawi, *op.cit.*, hlm. 109.
6. *Ibid*, Jilid 4, hlm. 159-161.
7. *Ibid*.
8. *Ibid.*, hlm. 163.
9. *Ibid.*, hlm. 159.
10. Abd al-Razzaq al-San'ani, *al-Musannaf*, Beirut, al-Maktab al-Islami (1983), Jilid II, hlm. 407.
11. Al-Asqalani, *op.cit.*, Jilid 6, hlm. 75-76.
12. *Ibid*.
13. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Riyadh, Maktabah al-Riyadh (1981), Jilid II, hlm. 341; Lihat juga al-Nawawi, *al-Majmu'*, Jilid 4, hlm. 365.
14. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, tahqiq, al-Syeikh Ali Mohammed Ma'wad, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Jilid II, hlm. 186.
15. Al-Nawawi, *op.cit.*, hlm. 109.
16. Abd al-Karim Zaydan (Dr.), *op.cit.*, Jilid 3, hlm. 276; Ibn Qudamah, *op.cit.*, Jilid 6, hlm. 588; al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, Jilid 6, hlm. 154.
17. Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Jilid 9, hlm. 429.
18. Abd al-Karim Zaydan (Dr.), *op.cit.*, Jilid III, hlm. 427.
19. *Ibid.*, hlm. 431.